

Insiden dipercayai berpunca daripada Loji Rawatan Kumbahan berdekatan sekolah

33 murid loya terhidu bau busuk

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU — Seramai 33 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, Pasir Gudang dekat sini mengalami loya dan muntah-muntah selepas mengadu terhidu bau busuk di sekolah berkenaan semalam.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi itu, seramai lima murid lelaki dan 28 murid perempuan dikejarkan ke Klinik Kesihatan Pasir Gudang untuk mendapatkan rawatan dan pihak sekolah juga menghubungi bomba untuk tindakan bersesuaian.

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah) Johor, Ab. Rahim Lamin berkata, bagaimana-

pun keadaan sekolah terkawal, namun bilik darjah di tingkat tiga dan empat sekolah berkenaan dikosongkan sebagai langkah berjaga-jaga.

Katanya, murid yang berada di dalam bilik darjah di tingkat tiga dan empat sekolah berkenaan dikumpul di bahagian bawah bangunan sekolah.

"Maklumat terkini sehingga pukul 12.55 tengah hari tadi (semalam), seramai 33 murid mengalami loya dan muntah iaitu lima lelaki dan 28 perempuan.

"Seramai 17 murid adalah daripada Tahun 4, manakala tujuh murid Tahun 5 dan sembilan murid Tahun 6. Daripada jumlah itu seramai 17 murid terkesan berulang iaitu pernah mengalami

simptom berkenaan sebelum ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Permas, Datuk Seri Che Zakaria Mohd. Salleh berkata, tiada murid dirujuk ke hospital awam atau swasta dan mereka dibenarkan pulang ke rumah selepas dipantau.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik dengan kejadian berkenaan," jelasnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon berkata, insiden pencemaran bau najis itu disyaki berpunca daripada Loji Rawatan Kumbahan berdekatan.



MURID SK Pasir Putih, Pasir Gudang dikumpulkan di bahagian bawah bangunan sekolah selepas terhidu bau busuk semalam.